



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

29 MEI 2023

BIL: 5 /2023 (CPA)

KEJAYAAN JKDM DALAM MEMBANTERAS AKTIVITI PENYELUDUPAN DAN STRATEGI PENINGKATAN HASIL NEGARA

1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tidak berkompromi berkaitan aktiviti penyeludupan di negara ini. Sebagai salah satu agensi pemungut hasil negara dan penguatkuasaan pintu masuk negara, JKDM sentiasa tegas dalam menguatkuasakan undang-undang.
2. Ini terbukti bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2023 jumlah rampasan dadah adalah sebanyak **2,410.224 kg** dengan jumlah nilai rampasan sebanyak **RM81.39 juta**
3. Jenis rampasan dadah terbesar adalah dari jenis Cannabis iaitu sebanyak 1,307.010kg diikuti oleh MDMA Ecstasy iaitu sebanyak 1,071.141kg , Methamphetamine (21.56kg), Heroin (3.736kg), dan Eramin 5 sebanyak 10,003 biji.
4. JKDM juga berjaya menumpaskan cubaan menyeludup barang bersubsidi seperti diesel, minyak masak, petrol dan gula.
5. Jumlah keseluruhan kes penyeludupan yang berjaya ditumpaskan bagi 2022 adalah sebanyak 100 kes dengan nilai rampasan RM573,688.07. Manakala pada tahun 2023 sehingga April 2023 sebanyak 48 kes telah berjaya dipatahkan yang melibatkan nilai rampasan sebanyak RM432,659.48.

 cpa@customs.gov.my

 03-8882 2100

 03-8889 5884

 www.customs.gov.my

 JabatanKastamDirajaMalaysia

 @KastamMalaysia

 [kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)

6. JKDM sentiasa berusaha memperkasakan kawalan dan penguatkuasaan dengan penggunaan teknologi bagi membendung aktiviti penyeludupan. Penggunaan mesin pengimbas merupakan salah satu cara untuk mengekang aktiviti penyeludupan.
7. Setakat ini, JKDM mempunyai 109 unit mesin pengimbas bagasi, empat (4) unit mesin pengimbas badan dan enam (6) mesin pengimbas kargo udara. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 119 unit. Dari jumlah tersebut, 103 unit masih beroperasi dan enam (6) unit masih dalam proses pembaikan iaitu 14 unit mesin pengimbas bagasi dan dua (2) unit mesin pengimbas badan.
8. JKDM sedang dalam proses tender sewaan untuk tiga (3) unit mesin pengimbas '*back scatter*' untuk kegunaan Bahagian Penguatkuasaan dan Cawangan Narkotik. Dijangkakan tender akan bermula pada Ogos 2023.
9. Selain itu JKDM sedang dalam proses mengkaji dan menguji keberkesanan penggunaan teknologi baru iaitu **eseal** bagi menggantikan sil timah yang telah digunakan sejak bertahun-tahun lamanya. Teknologi ini penting bagi memantau pergerakan logistik kontena dan lori-lori sekaligus dapat membentaras aktiviti penyeludupan dan meningkatkan pungutan hasil negara.
10. Penggunaan esial telah meluas digunapakai di Negara Afrika Timur seperti kastam Kenya, Uganda , Rwanda , Burundi dan Republic Democratic of Congo. Pelaksanaan esial di negara-negara tersebut telah meningkatkan kutipan cukai sebanyak 20%.
11. Sekiranya esial dilaksanakan penggunaannya di JKDM, secara tidak langsung dapat meningkatkan keselamatan kargo dan kebolehesanan pergerakan kontena dan lori. Dagangan dapat tiba ke destinasi dengan tepat pada masanya dan maklumat pergerakan juga dapat dipantau.

STRATEGI PENINGKATAN HASIL JKDM

12. Pada tahun 2023, JKDM telah membuat penjajaran semula strategi kutipan cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan kepada JKDM berdasarkan beberapa strategi seperti berikut:

- Meningkatkan kecekapan dalam aktiviti memungut hasil negara;
- Memberi fasilitasi perdagangan yang lebih efisien dan efektif;
- Meningkatkan tahap pematuhan industri dengan pelbagai aktiviti pendidikan dan kerjasama;
- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih telus dan pengauditan yang bersasar;

13. Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023, satu **Program Pengakuan Sukarela** singkatannya **VDP** (*Voluntary Disclosure Program*) untuk cukai tak langsung akan dilaksanakan semula oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ke atas perundangan cukai tak langsung tertentu yang di bawah pentadbiran JKDM.

14. Prihatin dengan permasalahan pihak syarikat/industri, JKDM menganjurkan program ini bagi memudahkan syarikat/industri berurusan dengan JKDM secara langsung berhubung kait dengan cukai tak langsung.

15. OBJEKTIF PROGRAM

- a. Memberi peluang kepada syarikat/individu untuk membuat pengikraran sukarela secara suci hati (*in good faith*) ke atas cukai yang bertanggung;
- b. Menggalakkan pembayaran cukai dengan penawaran insentif; dan
- c. Meluaskan asas cukai terutamanya menambah bilangan orang yang berdaftar.

16. SKOP CUKAI

- a. Cukai yang terlibat dalam program ini adalah semua cukai yang bertanggung **sehingga 28 Februari 2023 TIDAK** termasuk: -

- b. Semua tanggungan cukai/penalti yang sedang/telah disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM;
- c. Bil tuntutan yang telah dikeluarkan oleh JKDM; atau
- d. Kes-kes tribunal/mahkamah yang sedang dalam perbicaraan.

17. TEMPOH PROGRAM

Program ini akan dilaksanakan selama dua belas (12) bulan bermula **01 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024.**

18. MANFAAT PROGRAM

Remisi /diskaun penalti sebanyak 100% akan diberi kepada pemohon yang memenuhi syarat-syarat.

19. KESIMPULAN

JKDM komited melaksanakan tanggungjawab sebagai pemungut hasil cukai tidak langsung negara yang unggul dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran demi melaksanakan amanat yang ditetapkan oleh kerajaan. Slogan ***“Ekonomi Dipelihara, Sempadan Dikawal”***, diharapkan ia dapat memantapkan lagi imej JKDM di mata masyarakat dan memangkin semangat warga JKDM dalam usaha untuk menjadi wira dalam melestarikan ekonomi negara ke tahap yang lebih gemilang di samping mengawal ketat sempadan negara.

DATUK SERI AHMAD MASLAN

TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I

29 MEI 2023 @ 11.00 PAGI